



LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR

KENYATAAN SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dan **Kerajaan Negeri Selangor** dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja berikut:-

Butir-Butir Tawaran	Syarat-Syarat Pendaftaran	Harga Dokumen	Tarikh dan Tempat Lawatan Tapak	Pembelian Dokumen
SEBUTHARGA BAGI KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH BUMBUNG DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI BAWAH SKIM CERIA DI PANGSAPURI SEKSYEN 8 BLOK 15, 16, 17 & 18, 40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN No. Sebutharga : LPHS/SH/K/19/05 No. Fail : LPHS.400-5/7/14	Berdaftar dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan Gred: G2 (Kontraktor Tempatan/ Negeri Selangor) Kategori: B Pengkhususan: B15 Berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) (Bumiputera) Dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor	RM25.00 (Tidak Akan Dikembalikan) Bayaran dalam wang tunai	Tarikh : Khamis 18 Julai 2019 Masa : 02:30 Petang Tempat : Pejabat Badan Pengurusan Bersama (JMB) Pangsapuri Blok 15 Seksyen 8, Shah Alam Kehadiran Lawatan Tapak adalah Wajib Kehadiran Lawatan Tapak hanya dibenarkan kepada penama yang dinamakan di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Syarikat sahaja (Sila bawa Sijil Asal & salinan serta salinan Kad Pengenalan untuk semakan & pengesahan)	Bermula 18 Julai 2019 sehingga 01 Ogos 2019 Waktu Pejabat:- (8:00 pagi-12:45 tengahari dan 2:00 petang-3:45 petang) Kecuali Jumaat (8:00 pagi-12:00 tengahari dan 2:45 petang-3:45 petang)

Dokumen Meja Sebutharga boleh disemak bermula pada **15 Julai 2019 (Isnin)** pada waktu pejabat di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) - Bahagian Khidmat Pengurusan.

Dokumen Sebutharga hanya akan dikeluarkan kepada **penama yang dinamakan** di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja. Untuk maksud ini, penama tersebut hendaklah membawa dokumen asal **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan salinan Pengesahan Pendaftaran dengan UPEN Selangor** serta **satu salinan** bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen sebutharga. **SILA BAWA BERSAMA COP SYARIKAT.**

Dokumen Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang menyatakan tajuk kerja serta nombor Sebutharga berkenaan pada sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga **sebelum atau pada 02 Ogos 2019 (Jumaat) jam 12:00 tengahari** kepada:-

PENGARAH EKSEKUTIF
Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor
Tingkat 5, Podium Utara,
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
No Tel: 03-5544 7537, No Faks: 03-5513 5568

Dokumen Sebutharga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Kenyataan Sebutharga ini juga boleh dirujuk melalui Laman Sesawang Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor seperti berikut: <http://lphs.selangor.gov.my>

Tarikh Iklan : 15 Julai 2019